



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA LJT NO. 21/2022

**PEROLEHAN MEMBEKAL BATERI ALAT TRIMBLE S9 0.5"
DR HP DAN PENENTUKURAN ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR
HP DI MAKMAL KALIBRASI LUAR NEGARA UNTUK
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

PENGENALAN SEBUT HARGA	2
KENYATAAN SEBUT HARGA	3
BAHAGIAN I : ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL.....	4
1. ARAHAN AM	4
2. TAFSIRAN	4
3. KEPERLUAN KELAYAKAN PEMBEKAL	5
4. KEADAAN BARANG	5
5. KOS SEBUT HARGA	5
6. MAKLUMAT TAWARAN HARGA	5
7. TEMPOH KONTRAK DAN PENERIMAAN TAWARAN	6
8. PERBINCANGAN DAN PERTANYAAN.....	6
9. PENGHANTARAN	7
10. KELEWATAN DAN LANJUTAN MASA.....	7
11. PINDAAN DAN PEMBATALAN BUTIRAN YANG DISEDIAKAN	8
12. SETUJU TERIMA	8
13. BON PERLAKSANAAN	8
14. LJT BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA.....	9
15. JADUAL BAYARAN	9
16. PENYERAHAN TAWARAN KEPADA PEMBEKAL BERJAYA	10
17. LOKASI PELAKSANAAN	10
18. DENDA LEWAT	11
19. PENOLAKAN	11
20. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	11
BAHAGIAN II : CARA MENGEMUKAKAN BORANG SEBUT HARGA	13
1. FORMAT MAKLUM BALAS SEBUT HARGA	13
2. PENYERAHAN CADANGAN SEBUT HARGA.....	14
3. TARikh TUTUP SEBUT HARGA.....	15
BAHAGIAN III : BORANG SEBUT HARGA.....	16
BORANG I – BORANG AKUAN SEBUT HARGA	
BORANG II – JADUAL TAWARAN HARGA	
BORANG III – SOAL SELIDIK SYARIKAT	
BORANG IV – SURAT AKUAN PEMBEKAL	
BORANG V – BORANG SOAL SELIDIK PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL (LAMPIRAN A)	

PENGENALAN SEBUT HARGA

PEROLEHAN MEMBEKAL BATERI ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DAN PENENTUKURAN ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DI MAKMAL KALIBRASI LUAR NEGARA UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

PERINGATAN:

1. Pembekal-pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan Dokumen Sebut Harga adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab Pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada Seksyen Pentadbiran LJT.
3. Tawaran ini tertakluk kepada penentuan (spesifikasi) dan syarat-syarat yang tercatat di dokumen ini. Pembekal-pembekal adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai Sebut Harga ini. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan Sebut Harga berkenaan tidak dipertimbangkan atau **DITOLAK**.

KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LJT NO. 21/2022

TAJUK : MEMBEKAL BATERI ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DAN PENENTUKURAN ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DI MAKMAL KALIBRASI LUAR NEGARA UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

1. PELAWAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan **kod bidang 100101 dan 210110** yang masih belum tamat tempoh bagi **MEMBEKAL BATERI ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DAN PENENTUKURAN ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DI MAKMAL KALIBRASI LUAR NEGARA UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA.**

2. KAEDAH PELAKSANAAN INTEGRITY PACT

- 2.1. Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh pembekal, kesemua pembekal yang menghantar dokumen Sebut Harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembekal (Borang IV) bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembekal hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.
- 2.2. Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh pembekal, pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembekal Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat tawaran Sebut Harga. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembekal Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

3. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di Pejabat LJT, Tingkat 5, Wisma LJT, Lorong Perak Pusat Bandar Melawati 53100 Kuala Lumpur **SEBELUM ATAU PADA 23 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAH HARI.**

1. ARAHAN AM

- 1.1. Pembekal yang dijemput adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma di dalam dokumen ini membolehkan tawaran Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan oleh LJT.**
- 1.2. Pembekal yang ingin menyertai Sebut Harga ini dikehendaki membaca dan memahami dengan teliti mengenai pembekalan yang akan ditawarkan seperti yang dinyatakan dalam Spesifikasi Teknikal dalam dokumen tawaran ini.
- 1.3. Pembekal yang menghadapi masalah atau tidak memahami perkara-perkara yang terkandung di dalam dokumen Sebut Harga ini boleh mendapatkan maklumat yang diperlukan dari Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sebelum tarikh tutup Sebut Harga. Pembekal tidak berhak membuat apa-apa kenyataan bahawa mereka tidak mendapat maklumat mencukupi dari LJT.

2. TAFSIRAN

Dalam Dokumen Sebut Harga ini tafsiran bagi istilah yang berikut hendaklah digunakan, kecuali apabila konteksnya memerlukan berlainan maksud.

- 2.1. **Bulan** - Hendaklah bermaksud bulan kalender Gregorian
- 2.2. **Dokumen Sebut Harga** - Dokumen ini berserta dengan lampiran-lampirannya.
- 2.3. **Harga Perolehan** - Harga dalam Ringgit Malaysia yang patut dibayar kepada Pembekal bagi peralatan dan perisian yang lengkap dan sempurna yang telah dilaksanakan oleh Pembekal berdasarkan tanggungjawabnya terhadap Sebut Harga ini.
- 2.4. **Hari** - Termasuk hari cuti hujung minggu dan cuti am.
- 2.5. **LJT** - Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT).
- 2.6. **Pembekal** - Individu atau syarikat yang dengannya perolehan dibuat untuk melaksanakan skop kerja kepada LJT menurut Dokumen Sebut Harga ini, pengganti dan wakil atau agen yang dilantik Pembekal.
- 2.7. **Premis** - Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur

- 2.8. **Surat Setuju Terima (SST)** - Surat yang dikeluarkan oleh LJT yang menyatakan akuan penerimaan cadangan Sebut Harga yang akan mengikat di antara LJT dengan Pembekal, tanpa mengira sama ada perjanjian perolehan sedang ataupun belum dilaksanakan.
- 2.9. **Tarikh Penghantaran** - Tarikh yang dipersetujui antara LJT dan Pembekal bagi perolehan ini ke premis LJT.
- 2.10. **Waktu Kerja LJT** - Tempoh masa antara jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat dan tidak termasuk apa-apa cuti umum yang diiktiraf di negeri Selangor.

3. KEPERLUAN KELAYAKAN PEMBEKAL

- 3.1 Sebut Harga adalah dipelawa kepada semua Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang **kod bidang 100101 dan 210110**.
- 3.2 Pembekal adalah dikehendaki melampirkan salinan sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan.
- 3.3 Tempoh sahlaku tawaran dan tempoh siap kerja mestilah dinyatakan.
- 3.4 LJT berhak tidak mempertimbangkan atau menolak tawaran pembekal sekiranya tidak mematuhi keperluan mana-mana para hingga 3.4.

4. KEADAAN BARANG

- 4.1. Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

5. KOS SEBUT HARGA

- 5.1. Pembekal mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran Sebut Harga. LJT tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

6. MAKLUMAT TAWARAN HARGA

- 6.1. Semua tawaran harga yang dikemukakan pembekal pada JADUAL TAWARAN HARGA (BORANG II) hendaklah di dalam RINGGIT MALAYSIA (RM) dan tidak melebihi dua angka perpuluhan. Penilaian harga antara pembekal adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan atau berasaskan item-item yang ditawarkan atau harga setiap item yang paling kompetitif. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit setiap item akan diambil kira.

6.2. Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama tempoh sah laku Sebut Harga iaitu selama **SEMBILAN PULUH (90) HARI** dari tarikh tutup Sebut Harga. Harga yang ditawarkan oleh pembekal yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh kontrak dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

7. TEMPOH KONTRAK DAN PENERIMAAN TAWARAN

- 7.1. Tempoh kontrak adalah bermula dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani sehinggalah tarikh tamat obligasi yang terakhir.
- 7.2. Pembekal yang berjaya mestilah menyempurnakan pembekalan mengikut tempoh yang dipersetujui dan ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima yang ditandatangani.
- 7.3. Bagi kontrak kuantiti secara bermasa (sekiranya berkaitan), penghantaran bekalan adalah dalam tempoh penghantaran yang dipersetujui; atau mengikut item jika sekiranya melibatkan lebih daripada satu (1) jenis item dengan tempoh penghantaran yang berbeza; selepas menerima pesanan.
- 7.4. Pelantikan dan penyerahan Surat Setuju Terima kepada Pembekal yang berjaya akan dilakukan dalam tempoh **satu (1) minggu** selepas kelulusan LJT.
- 7.5. Penyerahan semula Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani oleh pembekal yang berjaya hendaklah dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima manakala Bon Pelaksanaan pula **hendaklah** dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima. Kegagalan pematuhan penyerahan semula boleh menyebabkan pembatalan Surat Setuju Terima dibuat.

8. PERBINCANGAN DAN PERTANYAAN

- 8.1. Sepanjang tempoh sebelum penyerahan Sebut Harga, Pembekal boleh meminta penjelasan dokumen Sebut Harga atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya daripada LJT.
- 8.2. LJT akan berusaha memberi jawapan kepada setiap pertanyaan dan jawapan tersebut akan dikemukakan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyertaan Sebut Harga dengan syarat jawapan tersebut tidak melanggar (infringe) hak milik (proprietary) Pembekal yang bertanya. Dalam hal yang demikian pertanyaan yang boleh menimbulkan rasa tersinggung (offending) tidak akan dilayan.
- 8.3. Maklumat yang diperoleh secara tidak rasmi tidak boleh dijadikan sebagai bahan sokongan bagi sesuatu cadangan yang dikemukakan, melainkan bahan / maklumat berkenaan diperoleh secara rasmi (permohonan bertulis kepada pihak LJT).

8.4. Sebarang pertanyaan hendaklah dirujuk kepada:-

Aspek Teknikal

Nama : Puan Ariyanti Binti Ahmad
No Telefon : 03-41085191
Email : yanti.ah@ljt.org.my

Urusetia Sebut Harga

Nama : Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin
No Telefon : 03-41085191
Email : linda.za@ljt.org.my

Waktu Pejabat: 8:00 pagi–5:00 petang (Isnin hingga Jumaat)

9. PENGHANTARAN

- 9.1. Penghantaran hendaklah dibuat terus ke premis LJT kecuali diarahkan oleh LJT sebaliknya.
- 9.2. Penyerahan / Penghantaran ini akan diperakui secara bertulis oleh LJT atau sesiapa sahaja yang diberikan kuasa oleh LJT. Walau bagaimanapun ia bukanlah bermakna penerimaan muktamad. Penerimaan muktamad akan dimaklumkan secara bertulis oleh LJT.
- 9.3. Kos penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.

10. KELEWATAN DAN LANJUTAN MASA

- 10.1. Setelah nyata bahawa pembekalan terlewat, pembekal hendaklah memberikan notis bertulis tentang punca kelewatan kepada LJT.
- 10.2. Jika pembekal yang berjaya tidak dapat menyempurnakan pembekalan tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan mulai daripada tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani, dan jika LJT tidak pula membatalkan Sebut Harga menurut kuasa yang diperuntukkan dalam syarat Dokumen Sebut Harga ini, maka Pembekal yang berjaya hendaklah **membayar ganti rugi sebanyak RM300.00** bagi setiap hari atas kelewatan yang berlaku. Jumlah potongan boleh dibuat daripada mana-mana wang yang boleh dibayar kepada pembekal yang berjaya menurut Sebut Harga ini.
- 10.3. LJT berhak untuk menerima atau menolak sebarang perlanjutan tempoh yang diperlukan oleh Pembekal bagi pelaksanaan perolehan ini.

11. PINDAAN DAN PEMBATALAN BUTIRAN YANG DISEDIAKAN

11.1. Segala pindaan dan pembatalan butiran dalam borang-borang atau maklumat yang disediakan hendaklah ditandatangani oleh Pembekal.

12. SETUJU TERIMA

12.1. Pelantikan dan penyerahan Surat Setuju Terima kepada pembekal yang berjaya akan dilakukan dalam tempoh satu (1) minggu selepas kelulusan LJT.

12.2. Surat Setuju Terima itu bolehlah mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat atau sebagai pengubahsuai syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian Sebut Harga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada pembekal menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.

12.3. Apabila dipersetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara LJT dengan pembekal itu mengikut syarat-syarat yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai yang tersebut itu, jika ada) dan tiadalah apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak itu.

12.4. Penyerahan semula Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani oleh pembekal yang berjaya **hendaklah** dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima manakala Bon Pelaksanaan pula **hendaklah** dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima. Kegagalan pematuhan penyerahan semula boleh menyebabkan pembatalan Surat Setuju Terima dibuat.

13. BON PERLAKSANAAN

13.1. Pembekal yang berjaya akan dikehendaki mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan untuk memastikan supaya Pembekal yang berjaya itu menjalankan kontrak mengikut syarat-syarat dalam kontrak. Nilai Bon Pelaksanaan yang dikenakan adalah seperti berikut.

- i. Bagi kontrak yang berjumlah RM200,000.00 dan tidak melebihi RM500,000.00 nilai Bon Pelaksanaan ialah 2.5% daripada jumlah harga kontrak; dan
- ii. Bagi kontrak yang melebihi RM500,000.00 nilai Bon Pelaksanaan ialah 5% daripada jumlah harga kontrak;

- 13.2. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:
- i. Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - ii. Jaminan Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - iii. Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - iv. Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat Insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - v. Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - vi. Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB).
- 13.3. Tempoh sah laku bon pelaksanaan yang dikemukakan hendaklah selama **DUA PULUH EMPAT (24) BULAN** daripada tarikh surat setuju terima.

14. LJT BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA

- 14.1. LJT tidak terikat untuk menerima tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga yang diterima.
- 14.2. LJT berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran Sebut Harga atau sebahagiannya. LJT juga berhak untuk mengubah spesifikasi Sebut Harga jika perlu.
- 14.3. Keputusan LJT adalah muktamad dan LJT tidak akan perlu memberi apa-apa alasan bagi sebarang penolakan mana-mana sebutharga.

15. JADUAL BAYARAN

- 15.1. Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 15.2. Pembayaran akan dibuat setelah pembekal mengemukakan invois yang telah disahkan oleh Pengurus Projek dan disertakan dokumen-dokumen penerimaan yang ditandatangani oleh LJT.

- 15.3. Invois bersama dokumentasi tersebut perlu dihantar ke LJT untuk tindakan pembayaran. Pembayaran akan dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan.
- 15.4. Pembayaran hanya akan dibuat sekiranya semua bekalan telah dilaksanakan dengan sempurna, sebagaimana yang telah dipersetujui dan disahkan oleh LJT mengikut harga yang dipersetujui atau harga per item, mengikut mana-mana yang berkaitan.
- 15.5. Sekiranya pihak LJT tidak berpuas hati dengan pembekalan yang dilaksanakan atau bagi pembekalan yang tidak dilaksanakan, LJT berhak untuk tidak membuat pembayaran.
- 15.6. Sekiranya terdapat denda penalti yang dikenakan atas sebarang bekalan atau perkhidmatan, maka perlu diselesaikan terlebih dahulu bayaran denda tersebut (sekiranya tiada pengecualian denda) sebelum bayaran penuh dilaksanakan kepada pembekal.
- 15.7. Pembekal hendaklah mengemukakan bil/ tuntutan yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penghantaran bekalan disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. LJT tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada syarikat jika bil/ tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh tersebut.

16. PENYERAHAN TAWARAN KEPADA PEMBEKAL BERJAYA

- 16.1. Penyerahan Surat Setuju Terima kepada pembekal berjaya adalah dalam tempoh satu (1) minggu selepas kelulusan pihak Lembaga melulus atau sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mula kontrak.
- 16.2. Penyerahan semula Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani oleh pembekal yang berjaya hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penerimaan Surat Setuju Terima.
- 16.3. Penyerahan Bon Pelaksanaan pula hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penerimaan Surat Setuju Terima.
- 16.4. Kegagalan pematuhan penyerahan semula boleh menyebabkan pembatalan Surat Setuju Terima dibuat.

17. LOKASI PELAKSANAAN

- 17.1. Semua pelaksanaan perlu dilaksanakan di lokasi seperti yang dinyatakan dalam Spesifikasi Teknikal.

18. DENDA LEWAT

18.1. Sekiranya pembekal lewat menyempurnakan pembekalan pada tarikh yang dipersetujui, pembekal hendaklah bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi pada kadar dua peratus (2%) daripada nilai tawaran (nilai item yang lewat dibekalkan) tersebut bagi setiap hari kelewatan. Ganti rugi hendaklah dibayar setara untuk apa-apa tempoh kurang dari satu (1) bulan dikira pada asas tiga puluh (30) hari dalam sebulan. Formula pengiraan denda adalah seperti berikut:

$$\text{Denda Lewat (RM)} = 2\% \times \text{Bil.hari lewat} / 30 \text{ hari} \times \text{nilai tawaran (RM)}$$

18.2. Bagi pelaksanaan pembekalan yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan pembekal seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau yang seumpama, LJT boleh membenarkan perlanjutan tempoh penghantaran tersebut dengan syarat pembekal perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

19. PENOLAKAN

- 19.1. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- 19.2. Apabila diminta, pembekal hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada LJT segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- 19.3. Fasal-kecil (20.1) dan (20.2) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak LJT untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.


20. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 20.1. Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 20.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana kakitangan LJT, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

- 20.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap kakitangan LJT dan menyenaraihitamkan pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 20.4. Mana-mana pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana kakitangan LJT yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



Datuk Sr Ismail Bin Harun
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Tarikh : 8/9/2022

BAHAGIAN II : CARA MENGEWAKKAN BORANG SEBUT HARGA

1. FORMAT MAKLUM BALAS SEBUT HARGA

- 1.1. Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat seperti yang ditentukan dan **ditaip/dicetak dengan kemas dan terang**. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, pembekal dibenarkan menaip/mencetak maklumat-maklumat itu di dalam kertas tambahan dan mestilah ditandatangani oleh pembekal. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam borang hendaklah ditandatangani ringkas oleh pembekal dan diberi tarikh sebenar.
- 1.2. Dokumen Sebut Harga **mestilah** mengandungi dan mengikut susunan perkara-perkara di bawah. UT berhak untuk menolak sebarang cadangan Sebut Harga yang tidak mematuhiinya.

1.2.1. DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN

- i. Senarai Semak
- ii. Surat Rasmi Pembekal dengan keterangan mengenai nama, alamat, alamat e-mail, nombor telefon dan nombor faksimili yang boleh dihubungi berkaitan Sebut Harga ini.
- iii. Salinan Sijil Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan.
- iv. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (jika ada).
- v. Salinan tiga (3) bulan penyata bank terkini.
- vi. Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit Bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau jika tiada, tahun kewangan sebelumnya.
- vii. Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan syarikat termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan (jika ada).
- viii. Borang I (Borang Akuan Sebut Harga).
- ix. Borang II (Jadual Tawaran Harga).
- x. Borang III (Borang Soal Selidik Syarikat).
- xi. Borang IV (Surat Akuan Pembekal).
- xii. Lain-lain maklumat atau dokumen sokongan seperti surat sokongan dari prinsipal (jika ada).

1.2.2. DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL

- i. Borang V (Borang Soal Selidik Pematuhan Spesifikasi Teknikal) – Salinan bercetak (Hard copy dan softcopy)
- ii. Jadual Cadangan Pelaksanaan pembekalan dan perkhidmatan termasuk penyerahan dokumentasi.
- iii. Lain-lain maklumat atau dokumen sokongan seperti brosur/ risalah/ surat sokongan dari prinsipal (jika ada).

2. PENYERAHAN CADANGAN SEBUT HARGA

- 2.1. Dokumen Tawaran Teknikal dan Dokumen Tawaran Kewangan termasuk dokumen sokongan berkaitan hendaklah disediakan dalam **DUA (2) SAMPUL BERLAKRI (BERLAKRI) YANG BERASINGAN.**
- 2.2. Pembekal hendaklah menghantar **SATU (1)** salinan asal bagi kedua-dua dokumen di atas dan dilabel sebagai "**ASAL**" dan **DUA (2)** salinan lain yang dilabel sebagai "**SALINAN**".
- 2.3. Pembekal juga dikehendaki menghantar **SATU (1)** salinan Dokumen Tawaran Teknikal dalam bentuk *softcopy*.
- 2.4. Setiap cadangan Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat/bungkusan berlakri (*sealed*) dan ditandakan pada bahagian atas sampul/bungkusan itu seperti berikut:

**SEBUT HARGA LJT NO. 21/2022
CADANGAN KEWANGAN SEBUT HARGA**

DAN

**SEBUT HARGA LJT NO. 21/2022
CADANGAN TEKNIKAL SEBUT HARGA**

- 2.5. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlainan yang **BERLAKRI** dan **DITANDAKAN** di bahagian atas sampul surat itu dengan :

<p style="text-align: center;">'SULIT'</p> <p style="text-align: center;">MEMBEKAL BATERI ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DAN PENENTUKURAN ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DI MAKMAL KALIBRASI LUAR NEGARA UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA</p> <p style="text-align: center;">SEBUT HARGA LJT NO. 21/2022</p> <p style="text-align: center;">LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA</p>
--

2.6. Semua dokumen Sebut Harga yang telah siap dan lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur**

2.7. Pembekal hendaklah menyerahkan tawaran Sebut Harga kepada LJT secara serahan manual dengan tangan ke Peti Sebut Harga yang disediakan pada atau sebelum masa yang ditetapkan.

2.8. LJT tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier. Walau apa pun alasan yang diberikan, sebarang Sebut Harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2.9. Pembekal tidak boleh memasukkan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan Sebut Harga ini dalam Sebut Harga yang ditawarkan.

2.10. Pihak LJT berhak MENOLAK sebarang tawaran daripada pihak pembekal tanpa sebarang penjelasan sekiranya terdapat **SEBARANG PENGENALAN PEMBEKAL** di mana-mana Dokumen Tawaran Teknikal.

3. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

3.1. Sebut Harga akan ditutup pada jam **12.00 tengahari, 23 September 2022 (Jumaat)** Sebut Harga hendaklah sampai ke LJT sebelum waktu dan tarikh tersebut.

BAHAGIAN III : BORANG SEBUT HARGA
SENARAI SEMAK

**MEMBEKAL BATERI ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DAN
 PENENTUKURAN ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DI MAKMAL
 KALIBRASI LUAR NEGARA UNTUK LEMBAGA JURUKUR
 TANAH MALAYSIA**

NO. SEBUT HARGA: LT NO. 21/2022

Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Pembekal	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
SYARAT AM			
1	Dokumen Tawaran Teknikal dan Dokumen Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam dua (2) sampul yang berasingan. Kedua-dua sampul tersebut dimasukkan dalam satu (1) sampul atau bungkusan semasa penyerahan di LJT.		
2	Pembekal hendaklah menghantar satu (1) salinan asal bagi kedua-dua dokumen di atas dan dilabel sebagai 'ASAL' dan dua (2) salinan lain yang dilabel sebagai 'SALINAN'.		
DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN			
3	SENARAI SEMAK penyerahan dokumen yang telah ditandatangani oleh Pembekal		
4	Surat rasmi Pembekal dengan keterangan mengenai nama, alamat, e-mel, nombor telefon dan nombor faksimili.		
5	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.		
6	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (jika ada).		
7	Salinan tiga (3) bulan penyata akaun bank terkini		
8	Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit Bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau jika tiada, tahun kewangan sebelumnya.		
9	Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan syarikat termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan (jika ada).		
10	Borang I (Borang Akuan Sebut Harga).		
11	Borang II (Jadual Tawaran Harga).		
12	Borang III (Borang Soal Selidik Syarikat).		

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Pembekal	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
13	Borang IV (Surat Akuan Pembekal).		
14	Lain-lain maklumat atau dokumen sokongan seperti surat sokongan dari prinsipal (jika ada).		
DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL			
14	Borang V (Borang Soal Selidik Pematuhan Spesifikasi Teknikal) – Salinan bercetak		
15	Jadual Cadangan Pelaksanaan Pembekalan dan Perkhidmatan termasuk penyerahan dokumentasi.		
16	Lain-lain maklumat atau dokumen sokongan seperti brosur/ risalah/ surat sokongan dari prinsipal (jika ada)		

PENGESAHAN OLEH PEMBEKAL Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	UNTUK KEGUNAAN LJT Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada) Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :
---	--

BORANG I – BORANG AKUAN SEBUT HARGA

BORANG AKUAN SEBUT HARGA

Kepada:

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur
(u.p: Seksyen Pentadbiran)

Tuan,

**PEROLEHAN MEMBEKAL BATERI ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DAN PENENTUKURAN
ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DI MAKMAL KALIBRASI LUAR NEGARA UNTUK LEMBAGA
JURUKUR TANAH MALAYSIA
– SEBUT HARGA: LJT NO. 21/2022**

Merujuk kepada perkara di atas dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal. Pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk Membekal Bateri Alat Trimble S9 0.5" DR HP dan Penentukuran Alat Trimble S9 0.5" DR HP Di Makmal Kalibrasi Luar Negara Untuk Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sepetimana yang terkandung dalam kontrak, bersetuju dengan spesifikasi yang dinyatakan dan pelbagai kadar yang ditetapkan oleh pihak yang bertandatangan di bawah berserta senarai harga yang disertakan bersama Sebut Harga.

2. Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepetimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilaiang barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.
3. Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk Membekal Bateri Alat Trimble S9 0.5" DR HP dan Penentukuran Alat Trimble S9 0.5" DR HP Di Makmal Kalibrasi Luar Negara untuk Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT).
4. Sebagaimana yang telah difahami, pihak tuan boleh menerima atau menolak Sebut Harga kami sama ada ianya lebih tinggi atau lebih rendah dari Sebut Harga lain atau sama. Sebut Harga ini akan sentiasa sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh penyerahan Sebut Harga.

5. Dan selanjutnya, pihak bertandatangan di bawah bersetuju sekiranya pihak tuan menerima Sebut Harga ini untuk menyediakan penyataan penerimaan deposit Bon Pelaksanaan sekiranya dipohon.

6. Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam Sebut Harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan Sebut Harga.

Tandatangan Pembekal:

Nama:

No. KP :

Jawatan :

Nama dan alamat syarikat :

Tandatangan Saksi

Nama:

No. KP :

Jawatan :

Nama dan alamat syarikat :

Cop syarikat :

Tarikh :

Cop syarikat :

Tarikh :

BORANG II – JADUAL TAWARAN HARGA**JADUAL TAWARAN HARGA**

Bil.	Nama Item	Kuantiti (unit)	Harga bagi seunit/perkhidmatan (RM)	SST (RM)	Jumlah harga (RM)
1	Bateri alat Trimble S9 0.5" DR HP	4			
	Kos penghantaran bateri				
2	Perkhidmatan penentukan bagi dua (2) unit alat Trimble S9 0.5" DR HP di makmal kalibrasi luar negara (Australia)				
KOS KESELURUHAN (RM)					

Tandatangan Wakil Syarikat:

.....

Nama:

Cop Rasmi Syarikat:

Tarikh:

BORANG III – SOAL SELIDIK SYARIKAT

BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT

A. PROFIL SYARIKAT

Arahan: Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapkan oleh penyebutharga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran Sebut Harga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran lain jika perlu.

Butir-butir Syarikat

1. Nama Syarikat :
2. No. Pendaftaran Syarikat: Tarikh Tamat:
3. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: Tarikh Tamat:
4. Alamat Pendaftaran Syarikat:
.....
....
.....
.....
.....
5. Alamat Surat Menyurat:
.....
....
.....
6. No Telefon : No Faks :
7. Taraf Syarikat*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
8. Peratus Modal:.....% Bumiputera /% Bukan Bumiputera /% Lain-lain
9. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera:hingga
10. Jenis Syarikat*: Perseorangan: Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain
.....(Nyatakan)
11. Tempoh Sah laku tawaran Sebut Harga :

Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham / Lembaga Pengarah / Pengurusan Syarikat

- Sila potong yang tidak berkenaan.

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan	Warganegara
1.
2.
3.

Struktur Pengurusan Syarikat

Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera
2.	Bukan Bumiputera
3.	Bukan Warganegara

Bukan Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera
2.	Bukan Bumiputera
3.	Bukan Warganegara

B. PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN SYARIKAT

Rekod Sebut harga berkaitan yang diperolehi oleh syarikat dalam tahun 2020, 2021 dan 2022
(Salinan surat tawaran daripada syarikat/agensi berkenaan wajib disertakan untuk mengesahkan syarikat menerima sebut harga tersebut di atas)

Nama syarikat / Agensi serta lokasi	Jenis bekalan/perkhidmatan	Jumlah	Nilai (RM)

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan)

Nama :

Cop rasmi syarikat:

Tarikh :

BORANG IV - SURAT AKUAN PEMBEKAL

SURAT AKUAN PEMBEKAL

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL BATERI ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DAN
PENENTUKURAN ALAT TRIMBLE S9 0.5" DR HP DI MAKMAL KALIBRASI LUAR NEGARA
UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA
SEBUT HARGA LJT NO. 21/2022**

(Perlu diisi dan ditandatangani oleh Pembekal)

Saya No Kad Pengenalan

..... yang mewakili

Nombor Pendaftaran Syarikat dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LJT atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pewakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Jurukur Tanah Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :

No. KP :

BORANG V – BORANG SOAL SELIDIK PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

(Sila rujuk Lampiran A)

BORANG SOAL SELIDIK PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

A) Empat (4) Unit Bateri bagi Alatan TRIMBLE S9 0.5" DR HP

Bil.	Spesifikasi	Mandatori (M)	Pematuhan (Ya/Tidak)	Catatan
1	Pengecasan semula (<i>Li-ion battery 10.8V 6.5Ah</i>)	M		
2	Berdurasi 6.5 jam atau lebih	M		
3	Jaminan (<i>Warranty</i>)	M		

B) Penentukuran dua (2) Unit Alatan TRIMBLE S9 0.5" DR HP di Makmal Kalibrasi Luar Negara (AUSTRALIA)

Bil.	Spesifikasi	Mandatori (M)	Pematuhan (Ya/Tidak)	Catatan
1	Perkhidmatan dan kalibrasi	M		
2	Pengujian EDM	M		
3	Laporan kalibrasi dalam bahasa Inggeris	M		
4	Servis pengambilan dan pemulangan semula alat <i>total station</i> di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	M		
5	Caj penerbangan dua hala untuk muatan dan insuran marin	M		
6	Caj penerbangan pergi dan balik untuk satu (1) orang pegawai JUPEM	M		
7	Kos perbelanjaan perjalanan untuk satu (1) orang pegawai JUPEM (pengangkutan dan penginapan)	M		